

UJIAN PENYERI KEHIDUPAN



Nurul Syazwani Binti Kizzon

Fakulti Sains dan Teknologi

Universiti Sains Islam Malaysia

wanisyazwani2000@gmail.com

Tarikh diterbitkan: 28 Januari 2021

Setiap yang dinamakan manusia, sudah pasti tidak terlepas daripada sebarang ujian. Kehidupan di dunia realiti yang penuh dengan onak dan duri bukanlah seperti apa yang digambarkan dalam kehidupan fantasi. Tiada istilah bahagia selama-lamanya selagi kita hidup di dunia ini kerana hakikatnya dunia ini sementara. Sebagai seorang manusia, sudah pasti kita ingin mengejar erti kebahagiaan dan kegembiraan tetapi ujian yang datang silih berganti melenyapkan semua angan-angan kita. Setiap orang mempunyai bentuk ujian yang berbeza. Terdapat manusia yang ditimpa penyakit, ada pula yang mengalami masalah keluarga, hati berkeluh kesah dan gelisah, ujian rumah tangga, kehilangan mata pencarian ketakutan, kelaparan, kemiskinan, kehilangan harta, bencana alam atau kematian orang yang disayangi. Setiap umur daripada setiap lapisan masyarakat, kesemuanya tidak terlepas daripada ujian Allah. Tetapi apa yang pasti, segala apa yang Allah telah ciptakan semuanya mempunyai pelbagai hikmah dan sebab yang tersendiri.

Firman Allah dalam Surah Al-Mulk, ayat 2, bermaksud: “Dialah yang mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzhahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya, dan ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).” Dalam ayat ini, Allah ingin menjelaskan bahawa setiap manusia pasti diuji untuk melihat kualiti amalan yang dikerjakannya. Secara tidak sedar, sebenarnya ujian yang Allah telah hadirkan menguatkan manusia baik dari kekuatan mental mahupun fizikal. Sebagai contohnya, sekiranya seseorang ditakdirkan hidup dalam keluarga yang serba kekurangan, apabila melihat insan yang tersayang berada dalam kelaparan dan kesusahan, sudah tentu dia akan menanamkan azam dan tekad untuk mengubah nasib keluarganya menjadi lebih baik. Dia akan menghadapi segala jerih dan payah untuk menyediakan kehidupan yang baik buat keluarganya. Berbeza pula sekiranya dia dilahirkan sebagai anak emas dalam keluarga yang kaya, keazaman untuk mengubah diri dan hidup luntur kerana kesemuanya telah tersedia sejak kecil. Percaya atau tidak, ujian yang hadir dari hari ke hari membawa manusia menjadi lebih matang dan kental untuk hidup di dunia yang penuh dengan dugaan ini.

Sifat sabar yang boleh dikatakan tunjang dalam kehidupan juga dapat dipupuk melalui ujian. Semakin besar ujian seseorang, semakin bertambah sifat kesabaran yang diperlukan. Sifat sabar amat penting dalam kehidupan kerana apa yang berlaku dalam diri kita bukanlah sentiasa selaras dengan apa yang kita inginkan. Banyak perkara yang telah berlaku dalam diri kita adalah sesuatu yang kita tidak ingin mahupun harapkan. Hanya melalui sifat sabar sahaja kita dapat melalui semua itu tanpa rasa sedih, kesal, kecewa dan berputus asa. Sifat sabar diperlukan untuk mengekang hawa nafsu agar manusia dapat menang dalam pertarungan dirinya untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan. Apabila pesanan sabar diluahkan, sekali gus merupakan pesanan yang berkaitan keimanan kepada Allah. Laman sesawang pejabat mufti wilayah menyatakan, Allah menyebut sifat sabar 90 kali di dalam al-Quran. Ini menunjukkan betapa signifikannya sifat sabar agar dimiliki oleh setiap manusia. Tanpa sifat sabar, maka tidak akan kita kecapi kejayaan di dunia mahupun akhirat.

Nilai yang terpenting di sebalik ujian adalah sifat kesyukuran. Berdasarkan rujukan oleh para alim ulamak yang mengkaji dan mentafsir Al-Quran, tidak kurang daripada 60 kali kalimah syukur yang terdapat dalam kitab mulia itu. Keistimewaan sifat syukur itu pastinya membawa hikmah kepada para pengamalnya. Orang yang bersyukur sentiasa melihat

kelebihan di setiap kekurangan. Tidak ada istilah berkeluh kesah dalam kehidupan mereka. Sekiranya mereka susah, mereka akan melihat orang yang lebih susah daripada mereka. Insan yang bersyukur selalu menghargai setiap apa yang mereka miliki berbanding meratapi apa yang tidak mereka kecapai. Mereka akan sentiasa bersyukur di atas segala nikmat dan bersabar atas setiap ujian yang Allah kurniakan kepada mereka. Hal ini kerana mereka sedar bahawa dugaan yang menimpa membuatkan mereka lebih dekat kepada Allah sekali gus dapat merefleksi diri mereka menjadi insan yang lebih baik.

Hakikatnya, di sebalik awan yang mendung, pasti ada cahaya yang menanti, di celah titisan hujan, pasti ada pelangi dan akan hadirnya pelangi nan indah selepas hujan membasahi bumi. Begitu juga kehidupan, selepas kesusahan telah dilalui, pasti akan adanya kebahagiaan. Perlu diketahui, bahagia itu bukannya terletak kepada kuantiti harta mahupun pangkat dan sebagainya tetapi bahagia itu terletak pada kualiti jiwa. Bagi melahirkan kualiti jiwa, sifat-sifat mahmudah perlu dipupuk di dalam diri. Sifat kesabaran, kesyukuran, keredaan akan semestinya membawa kepada kebahagiaan dan ketenangan yang hakiki. Akhir kata, ujian tanda Allah sayang, hadapilah dengan penuh kesabaran dan kesyukuran.



Nama Penuh: Nurul Syazwani Binti Kizzon

Alamat USIM:

Fakulti Sains dan Teknologi (FST),

Universiti Sains Islam Malaysia,

Bandar Baru Nilai,

71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Alamat Tetap: No 8, Taman Muara, Jalan Muara 1, 06600 Kuala Kedah, Kedah Darul Aman

No Telefon: 019-6657998

E-mel: wanisyazwani2000@gmail.com

Emel Alternatif: wanisyazwani2000@gmail.com